

01 OCT 2003

Sukan-Bot Laju

PERLUMBAAN BOT LAJU F1 KEMBALI GEGARKAN IBU NEGARA

Oleh: Asan Ahmad

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Kuala Lumpur sekali lagi akan menjadi tumpuan peminat perlumbaan bot laju dari seluruh dunia Ahad ini apabila bermulanya sirkit Malaysia bagi Kejohanan Bot Laju F1 di The Mines Resort.

Pertandingan yang berlangsung di ibu negara kali ini dijangka lebih meriah berbanding tahun-tahun sebelumnya memandangkan penganjurnya, H2O Sports Sdn Bhd, telah mengatur pelbagai acara sampingan untuk tatapan penonton.

Sejak dua tahun lepas, syarikat itu mengharumkan nama negara melalui kejayaannya menjadikan kejohanan di Kuala Lumpur sebagai yang paling hebat dan mendapat pengiktirafan dari seluruh dunia.

Kejayaan itu telah menyebabkan Kejohanan Bot Laju F1 Dunia dimasukkan ke dalam kalendar sukan dunia, selepas perlumbaan kereta F1 dan beberapa kejohanan lain yang bertaraf dunia.

Pencapaian H2O Sports Sdn Bhd mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila ia dinobatkan sebagai penganjur terbaik bagi kejohanan itu oleh Union International Motonautique (UIM) pada 2001 dan 2002.

Pada tahun ini, syarikat itu berazam untuk mencipta hatrik dan berdasarkan hakikat ini, perlumbaan yang akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu diyakini akan mengatasi kehebatan pada tahun-tahun sebelumnya.

Memandangkan hanya tiga hari sahaja lagi kejohanan itu akan bermula, maka tidak hairanlah apabila segala persiapan sedang giat disempurnakan oleh penganjurnya.

Tinjauan yang dibuat mendapati segala persiapan berjalan lancar manakala pejabat operasi kejohanan di The Mines Waterfront, telah dibuka sejak seminggu lepas.

Bagi anggota media, termasuk dari luar negara, mereka tidak perlu gusar mengenai tempat bertugas kerana penganjur menyediakan sebuah pusat media yang mampu memenuhi keperluan kira-kira 100 wartawan dan jurugambar pada sesuatu masa. Antara kemudahan yang disediakan untuk mereka ialah talian telefon IDD.

Sementara itu, venue perlumbaan -- The Mines Lake, yang memiliki kelasnya yang tersendiri, telah diberi kelulusan dan pengiktirafan oleh UIM.

Berdasarkan kecemerlangan dalam aspek penganjuran iaitu daripada kesempurnaan venue pertandingan hinggalah kepada khidmat layanan, UIM menganggap Malaysia sebagai tapak yang paling sesuai bagi memajukan sukan berkenaan di rantau ini.

Sirkit Malaysia yang akan berlangsung dari 4 hingga 5 Okt adalah yang kelima daripada 9 pusingan kejohanan. Pusingan pertama telah berlangsung di Singapura pada 25 Okt lepas manakala pusingan keenam akan diadakan di Portimao, Portugal pada 4 Mei tahun depan.

Bagi pusingan yang berlangsung di Malaysia, setakat ini, 11 pasukan yang melibatkan 25 pemandu telah mendaftar penyertaan masing-masing bagi pelbagai kategori.

Mengetuai senarai peserta ialah juara bertahan, Francesco Cantando dari Singha Racing Team dan juara dunia, Guido Cappellini yang mewakili Zepher Team.

Kedua-dua pemandu yang berasal dari Itali ini berazam mencapai kejayaan cemerlang dalam perlumbaan di Malaysia bagi mengekalkan tempat masing-masing dalam kedudukan keseluruhan.

Setelah melewati empat pusingan, setiap mereka mengumpul 55 mata, diikuti oleh Fabio Comparato dari Comparato Racing Team yang meraih 37 mata.

Bagi kedudukan keseluruhan pasukan, Zepter mendahului pelumba lain dengan 60 mata.

Memandangkan kedua-dua pelumba Itali itu begitu ghairah mencatat keputusan cemerlang dalam pertandingan di negara ini, maka para penonton akan berpeluang menyaksikan satu perlumbaan yang dipenuhi aksi-aksi hebat.

Cappellini adalah pelumba yang disebut-sebut akan menjuarai sirkit Malaysia berdasarkan prestasinya sebelum ini termasuk kemampuan menduduki posisi pertama di Portugal, Finland, Itali dan Jerman.

Selain dapat menyaksikan kehebatan aksi pelumba, perlumbaan kali ini akan dimeriahkan lagi dengan acara sampingan termasuk pertunjukan ski oleh Stars of Florida dan konsert oleh artis popular tanah air.

-- BERNAMA

AHA SP RON